

Ambil alih firma baru

Axis Reit Managers Bhd (ARMB), pengurus amanah pelaburan hartanah (Reit) Islam perindustrian pertama di dunia, akan mengambil alih dua firma logistik baru dan sebuah gudang peruncitan di Johor, serta sebuah bangunan pejabat di Cyberjaya.

Ketua Eksekutifnya, Stewart LaBrooy, berkata pengambilalihan itu membitkan kos RM190 juta.

"ARMB dijangka dapat mengumpul RM132 juta tahun ini, mungkin pada Ogos, untuk membesarkan portfolio harta kami. Dana itu juga akan digunakan bagi mengurangkan paras hutang," katanya selepas mengumumkan keputusan kewangan suku kedua syarikat, semalam.

